

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JUNE 2016

## Tuduhan Dr. Mahathir tidak berasas

Um - 22/6/2016

**PUTRAJAYA 21 Jun** - Tuduhan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa kemenangan besar yang diperoleh Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah hasil pemberian wang amat dikesali.

Pengarah Komunikasi Strategik BN, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, bekas Perdana Menteri itu sepatutnya menerima dengan hati terbuka bahawa pengundi di kedua-dua kawasan tersebut telah matang dan mempunyai akal untuk menilai kebaihan BN.

Beliau berkata, pengundi di kedua-dua kawasan itu juga telah mendengar ceramah Dr. Mahathir di kawasan mereka dan kemenangan BN dengan majoriti yang lebih besar membuktikan apa yang dicanang oleh bekas Perdana Menteri itu tidak diendahkan.

“Saya merasa amat kesal dengan kenyataan Dr. Mahathir mengenai PRK di Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar, tuduhan itu langsung tidak berasas dan kita kena faham pengundi di kedua-dua kawasan sudah matang dan mampu berfikir dengan baik untuk memilih BN.

“Bagi saya, ketika ini Dr. Mahathir sudah tiada nilai dalam politik. Lebih baik bersara daripada arena politik untuk menjaga legasi dan nama baik beliau, sekarang biar kerajaan dan pembangkang sahaja aktif dalam hal ini,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai dakwaan Dr. Mahathir dalam entri terbaharu di blog <http://chedet.cc> yang menyatakan kemenangan besar yang diperoleh BN dalam PRK di Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah hasil pemberian

wang dan barang-barang kepada pengundi.

Abdul Rahman merangkap Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, beliau amat berharap legasi dan nama baik Dr. Mahathir akan terus kekal diingati rakyat dan satu-satunya kaedah untuk melakukannya ialah bersara daripada politik.

“Lebih baik bersara lebih awal bagi mengelak nama daripada terus tercemar dan diperkatakan. Sekarang elok serahkan kepada rakyat untuk putuskan parti mana yang mereka mahu amanahkan untuk mentadbir negara,” katanya.

Terdahulu, Abdul Rahman menghadiri program agihan lebih 1,000 bekas bubur lambuk anjuran Kelab Kebajikan dan Surkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada kakitangan kementerian berkenaan.